

BAB 5

ANALISIS DAN DATA PENEMUAN

5.1 Pengenalan

Bab ini mengemukakan hasil yang diperoleh dari kajian operasi pengurusan editorial di Cerdik Publications Sdn. Bhd. Dengan menggunakan kaedah temu bual dan dokumen. Pembentangan data dan penemuan berdasarkan soalan-soalan kajian yang merangkumi permasalahan kajian iaitu dari sudut pengurusan editorial sahaja.

5.2 Kepasifan Editorial

Ramai yang beranggapan kerja-kerja seorang editor itu bermula apabila mendapat manuskrip, menanganinya sehingga ia terbit sebagai sebuah buku. Mereka lebih berminat menjadi “*desk editor*” semata-mata. Ini adalah berbeza dengan apa yang terkandung dalam *Book House Training* yang dikeluarkan oleh Unesco di mana fungsi editorial itu dijelaskan seperti berikut:

- (a) mencari penulis dan manuskrip baru
- (b) menilainya
- (c) kerja-kerja penelitian dan mengedit manuskrip
- (d) berurusan dengan Jabatan Reka Bentuk dan pengeluaran mengenai reka bentuk, format, dan proof
- (e) berurusan dengan Jabatan Akaun berkaitan royalti penulis, perjanjian, jual beli hak cipta

yang lebih penting kemudiannya ialah editor harus memastikan pihak jualan memahami kandungan, kehendak, dan sasaran buku itu dan juga potensi pasarannya. Maklumat editor itu akan digunakan oleh pihak jualan untuk memastikan urusan penjualan buku itu berjalan dengan lancar. Dengan kata lain, editor menjadi penentu dalam kemajuan dan penjualan sesebuah buku. Berbanding dengan kajian Hamed (1999), peranan editor DBP tidak ada pembabitan editor dalam pemasaran buku.

Pihak pengurusan editorial mahupun tenaga kerja Jabatan Jualan tidak mampu membuat ramalan tepat akan sambutan terhadap buku terbitan syarikat kecuali selepas buku itu berada di pasaran. Namun satu kaji selidik yang standard atau penerbitan berdasarkan data-data terkini, sedikit sebanyak boleh membantu. Namun, baik di pihak pengurusan editorial mahupun Jabatan Jualan tiada himpunan data seperti jumlah penduduk, pembahagian dari segi jantina, usia, demografi, status, sosial penduduk dan perkara-perkara yang sepatutnya menjadi faktor asas.

Di CPSB, seorang editor menangani lebih daripada 15 buku seorang dan ada di antaranya menangani lebih daripada 20 buah buku bagi satu-satu tahun kewangan penerbitan. Ketidakeimbangan judul dengan editor juga membuatkan sesetengah judul itu lari jauh daripada tarikh penerbitan yang dijadualkan. Pada tahun lepas sahaja, sebanyak 80 judul buku sekolah rendah dan 96 judul sekolah menengah telah diterbitkan meliputi buku-buku rujukan dan latihan. Buku-buku berbentuk begini agak rumit ditangani kerana setiap editor perlu memastikan kandungan buku selari dengan silabus.

Dan buku-buku sebegini biasanya mengambil ruang masa yang lama tetapi tidak boleh dijadikan *backlist* yang baik kepada syarikat.

Masalah lewat penerbitan ini juga biasanya diliat kerana kurangnya pengawalan dna penelitian di pihak pengurusan editorial. Pihak editorial sering menghadapi masalah penghasilan *typespec* kerana kekurangan itu di bidang tersebut. *Typespec* yang tidak mantap ini selalunya mendatangkan masalah kemudiannya, iaitu ketika proses pengeditan sedang berjalan. Perubahan saiz buku, pertukaran font, gambar, heading dan sebagainya adalah antara faktor kelewatan tarikh penerbitan.

Pihak editorial juga terpaksa menghadapi masalah menangani judul-judul buku Cina dan Jawi. Ini kerana Jabatan Rekabentuk tidak mempunyai program teks Cina dan Jawi. Oleh yang demikian judul-judul begini biasanya akan dihantar kepada syarikat luar untuk tujuan atur huruf. Selain terpaksa menanggung kos yang tinggi, judul Jawi sentiasa berhadapan dengan syarikat luar yang tidak profesional dalam urusan kerja mereka. Oleh kerana judul-judul tersebut akan terbit dalam satu siri, kelewatannya akan menyebabkan proses jualan dan pemasaran untuk judul-judul lain terganggu.

Pihak pengurusan editorial juga menghadapi masalah mendapatkan kerjasama penulis dalam menguruskan sesebuah penerbitan buku itu sedangkan kerjasama antara penulis dengan editor amat perlu. Kedua-dua saling berhubung dan saling perlu memerlukan.

Menurut Hassan Ahmad (2000), masalah mauskrip lambat adalah kerana tenaga penulis dan editor yang handal tidak cukup dan jika ada mereka ini tidak cekap. Tambahnya lagi, cabaran pengusaha penerbitan buku di Malaysia bukanlah kedai buku elektronik atau penerbitan elektronik tetapi ialah melahirkan kumpulan tenaga manusia, ilmuwan, penulis, dan editor yang lebih bermutu, lebih cekap dan lebih komited dari segi kesedaran intelektual dan budayanya untuk menghadapi cabaran baru.

Faktor ini juga dilihat sebagai masalah pengurusan penulis. Ini sedikit sebanyak bergantung kepada pengurusan editorial itu membentuk dan membimbing penulis. Pengurusan editorial yang cekap memungkinkan penerbit melahirkan senarai penulis-penulis baru yang berwibawa.

Selain daripada terpaksa menangani kerja-kerja editorial dan tugas-tugas pentadbiran, pihak pengurusan editorial juga terpaksa melakukan kerja-kerja di luar bidang dan kepakaran mereka seperti *typespec*. Kerja-kerja sebegini mengambil masa dan membuatkan editor kurang fokus terhadap kerja mereka yang sebenarnya.

Terdapat dua orang designer, tiga orang artis dan tiga orang DTP yang bakal menangani semua judul-judul CPSB. Kekurangan tenaga kerja juga kadang-kala menyebabkan banyak judul-judul yang terperap lama di Jabatan Rekabentuk. Ini ditambah pula dengan judul-judul yang menuntut banyak ilustrasi dan proses pewarnaan yang rumit. Secara idealnya, sebuah buku cerita bersaiz 5" x 7.5" berhalaman 24, yang

memuatkan ilustrasi berwarna, menuntut artis menangani proses pewarnaan selama sebulan lamanya.

Terdapat juga ketika di mana urusan kerja-kerja menangani judul-judul yang dijadualkan tergendala kerana terpaksa mendahulukan judul *ad-hoc*. Judul-judul *ad-hoc* ini tidak dimasukkan dalam senarai judul program penerbitan tetapi terpaksa diberi keutamaan apabila ia dilihat menguntungkan dan perlu disegerakan atas beberapa alasan seperti untuk menepati tarikh tender senarai buku-buku sekolah, perpustakaan, dan agensi kerajaan.

Masalah yang sama timbul apabila ada editor yang terlibat dalam menangani buku teks. Tumpuan harus lebih diberikan kepada buku teks daripada judul-judul yang sedia ada. Oleh itu judul-judul di bawah editor terbabit biasanya akan dihantar kepada *freelancer*.

Menyedari kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan yang wujud di editorial, beberapa langkah telah diambil oleh pihak pengurusan editorial. Pengurusan editorial kini lebih banyak mengenengahkan judul-judul yang boleh dijadikan *backlist*. Usaha ini dilihat untuk mengurangkan judul-judul yang perlu ditangani oleh setiap editor dan untuk mencukupkan sasaran perolehan syarikat pada satu-satu tahun.

Tidak banyak seminar, latihan, bengkel yang disertai oleh kakitangan editorial. Antara sebabnya juga adalah kurang seminar atau latihan yang berkaitan editorial itu

sendiri. Pengurus Penerbitan dan Editor Pengurusan juga kurang mengikuti mana-mana seminar atau kursus pengurusan.

Pihak pengurusan editorial juga tidak melanggan mana-mana bahan bacaan kecuali majalah Pelita Bahasa yang dilanggan oleh Unit Bahasa dan Sastera. Pengurus Penerbitan dan Editor Pengurusan sepatutnya menjadikan majalah *Publishers Weekly*, *Book Seller* atau *Logos* sebagai bahan bacaan mereka. Ini kerana tiada bahan bacaan mengenai dunia penerbitan terbitan tempatan. Majalah-mejalah sebeginilah yang sepatutnya dijadikan bahan bacaan utama untuk melihat perkembangan dunia penerbitan sedunia.

Menurut Albert N. Greco (1997), semua entiti yang terlibat dalam penerbitan setuju dengan pendapat bahawa penyuntingan (*editing*) adalah satu seni dan bukan sains. Oleh yang demikian, menurut beliau, ia mengambil masa yang lama untuk menjadi profisen, editor yang berjaya, dan editor yang cemerlang adalah kurang. Tambahnya lagi, seorang editor harus suka membaca dan banyak membaca, bersikap ingin tahu, dan belajar untuk bersikap ingin tahu. Oleh itu editor perlu membaca pelbagai jenis penerbitan, termasuk *New York Times Book Review*, *Harpers* dan juga termasuk *Time*, *Newsweek*, dan *Business Week*.

Antara tugas editor di CPSB ialah bertanggungjawab untuk memberi perhatian terhadap persembahan reka letak dalaman di samping tugas utama mereka, iaitu memastikan ketepatan kandungan dan kesahihan fakta. Tugas di atas menuntut waktu dan kemahiran, sedangkan di syarikat penerbitan lain tugas tersebut ditangani oleh "*Mark-up Designer*" yang memberi tumpuan terhadap reka bentuk dan susun atur sesebuah buku.

Pihak pengurusan editorial walaupun telah dibantu oleh pihak Jualan dalam merangka program penerbitan, jangkaan masa buku itu harus berada di pasaran mungkin silap. Agak sukar untuk meneka apakah yang dimaksudkan dengan masa yang betul. Ini berlaku beberapa kali di mana buku yang diyakini dapat menarik pembaca tersadai di stor penerbit.

Perkara yang berkaitan dengan jangkaan masa penerbitan ini telah disentuh dalam buku panduan Unesco, seperti di bawah. Dengan lain perkataan, jangkaan sesebuah buku berada di pasaran (jika menepati tarikh penerbitan) belum tentu boleh terjual.

Apakah yang dimaksudkan dengan masa yang betul?

Terlalu awal

- “Pasaran masih belum bersedia”
- “Kita tidak mampu untuk menyimpannya dalam stok”
- “Mereka mahu buku seperti ini sekarang, tetapi buku kita kelihatan lama”
- “Kita meneroka pasaran dengan buku kita, tetapi pesaing kita yang masuk kemudian telah mengeksploitasi peluang tersebut.

Terlalu lewat

- “Pasaran dibanjiri dengan buku-buku not better than ours”
- “Tiada siapa yang berminat dengan subjek ini lagi”
- “Our competitors have made a killing out of this”
- “Kamu diberitahu bahawa akan sentiasa terdapat pasaran untuk jenis ini”